EDISI JULAI - DIS 2025 (EDISI KEDUA)

BULETIN MDTM بولتين

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

BERSIH.INDAH.CERIA

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH JOHAN PERTANDINGAN LANDSKAP PESTA FLORA NEGERI KELANTAN TAHUN 2025



MDTM TERIMA ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2025



MDTM JOHAN AIPBT TAHUN 2025

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YABrs. Tuan Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin
(Yang DiPertua Majlis Daerah Tanah Merah)

PENASIHAT
YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof
(Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah)

KETUA EDITOR
YBrs. Encik Mohd Ammar bin Che Hamat
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat

EDITOR
YBrs. Encik Nik Mohamad Dzul Wal Ilkram bin Zulkarnain
YBrs. Encik Saifulizam bin Mohamad
YBrs. TPr Encik Ahmad Azrin bin Aziz
YBrs. Encik Che Khairul Azhan bin Che Ahmad
YBrs. Encik Mohd Zuhaidi bin Abd Kadir
YBrs. Puan Hajah Siti Maskah binti Mohamad
YBrs. Tuan Haji Nur Hassan bin Aziz
YBrs. Sr Puan Siti Nor Haswanie binti Omar
YBrs. Puan Amirah Humaira binti Mohd Zawawi
YBrs. Encik Zainal bin Che Soh
YBrs. Encik Mohd Khairul Izwan bin Che Soh
YBrs. Ustaz Saiful Adli bin Mohd Salleh

PENYELARAS PENERBITAN / JURUGAMBAR
YBrs. Puan Hamizah binti Haji Ishak

ALAMAT SURAT MENYURAT
Majlis Daerah Tanah Merah
17500 Tanah Merah
Kelantan
Emel: mdtm@kelantan.gov.my
Tel: 099556023 / 099556026
Faks: 099556826

MENARIK DI DALAM

MDTM DINOBATKAN JOHAN PERTANDINGAN LANDSKAP KALI KE-3 BERTURUT-TURUT SEMPENA PESTA FLORA NEGERI KELANTAN TAHUN 2025



MDTM JOHAN AIPBT 2025 SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI SEKTOR AWAM PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2025



KINI BERWAJAH BARU SELEPAS DINAIKTARAF



PROGRAM "KKECEK KEBERSIHAN DI SEKOLAH"



LAWATAN PANEL PENILAIAN PERTANDINGAN KELANTANKU BERSIH TAHUN 2025 KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH



NAIB JOHAN PERTANDINGAN KERETA BERHIAS SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KDYMM SULTAN MUHAMMAD V YANG KE-56 TAHUN 2025



HARI SUKAN NEGARA (HSN) 2025 PERINGKAT DAERAH TANAH MERAH



OPERASI BERSEPADU MEMBANTERAS PERNIAGAAN VAPE DI KAWASAN KOTA HARMONI DAN BATU GAJAH,TANAH MERAH

TANAH MERAH, 20 JULAI 2025 – Satu Operasi Bersepadu Membanteras Perniagaan Vape telah dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Tanah Merah dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Kesihatan Daerah, melibatkan beberapa premis perniagaan sekitar kawasan pentadbiran Majlis.

Operasi ini merupakan sebahagian daripada tindakan berterusan Majlis Daerah Tanah Merah dalam menguatkuasakan larangan terhadap penjualan dan pengedaran produk vape, selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Kelantan yang mengharamkan sepenuhnya perniagaan vape di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini.

Beberapa premis telah diperiksa dalam operasi tersebut, dan anggota penguat kuasa turut mengeluarkan notis amaran serta menyita barangan berkaitan termasuk cecair vape dan peralatan yang ditemui dijual secara terbuka. Turut dikesan, terdapat peniaga yang didapati melanggar syarat-syarat lesen perniagaan yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Tanah Merah.

Pihak Majlis menegaskan bahawa operasi seperti ini akan terus dilaksanakan secara berkala dan berterusan bagi memastikan tiada pelanggaran peraturan serta demi memelihara kesejahteraan dan kesihatan masyarakat khususnya generasi muda.

Majlis Daerah Tanah Merah turut menyeru orang ramai dan para peniaga agar sentiasa mematuhi undang-undang serta tidak terlibat dalam sebarang bentuk perniagaan yang telah diharamkan oleh pihak berkuasa.











TANAH MERAH, 28 OGOS 2025 (KHAMIS)-Majlis Daerah Tanah Merah telah mengadakan Program Gotong-Royong Komuniti di Taman Kota Harmoni pada 28 Ogos 2025. Penganjuran program ini bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawanan, mengeratkan hubungan silaturrahim antara penduduk setempat serta meningkatkan tahap kebersihan dan keceriaan kawasan perumahan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya kerja-kerja pembersihan, pemotongan rumput, pembuangan sampah serta menceriakan kawasan awam.

Majlis Daerah Tanah Merah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penduduk, Jawatankuasa Penduduk, agensi berkaitan serta sukarelawan yang telah bersama-sama menjayakan program ini. Diharapkan usaha sebegini dapat diteruskan dari semasa ke semasa demi mewujudkan persekitaran yang lebih selesa, sihat dan harmoni untuk komuniti Taman Kota Harmoni.



PROGRAM GOTONG - ROYONG
KOMUNITI TAMAN KOTA HARMONI 2025



MUTIARA KATA

"Komitmen kita hari ini mencerminkan kualiti kehidupan generasi akan datang"







PROGRAM

"KKECEK KEBERSIHAN DI SEKOLAH"

PADANG SIAM, 7 SEPTEMBER 2025 (Ahad) – Program "Kkecek Kebersihan di Sekolah Bersama PBT" telah berjaya dilangsungkan sekali lagi pada hari ini bertempat di Sekolah Rendah Ugama Ulum Diniah, Padang Siam, Tanah Merah.
Program yang bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya kebersihan dalam kalangan pelajar ini telah dirasmikan dengan penyampaian ceramah oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah.

Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Ustaz Darulhisham bin Kamaludin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Belia dan Kebajikan Majlis Daerah Tanah Merah, Ahli-Ahli Majlis Daerah dan Ketua-Ketua Bahagian yang berkaitan.

Dalam ceramahnya, Setiausaha menekankan bahawa amalan kebersihan wajar dipupuk dan dimulakan dari rumah lagi. Beliau juga berharap agar semua pihak memikul tanggungjawab bersama untuk menjaga kebersihan persekitaran demi kesejahteraan dan kesihatan masyarakat khususnya di Tanah Merah





SIMPOSIUM

AHLI MAJLIS PBT NEGERI KELANTAN 2025

ISNIN | 1 SEPTEMBER 2025 (08 RABIULAWAL 1447H)
DEWAN BUNGA TERATAI, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
9.00 PAGI

DIRASMIKAN OLEH:
YB Hilmi bin Abdullah
(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar Negeri Kelantan)











PROGRAM USRAH

AHLI MAJLIS BERSAMA PENGURUSAN MDTM





TANAH MERAH, 8 SEPTEMBER 2025 (ISNIN) – Majlis Daerah Tanah Merah telah menganjurkan Program Usrah Ahli Majlis bersama Pengurusan yang telah dihadiri oleh YABrs. Tuan Yang Dipertua, Ketua Whip, YB Dato' ADUN Bukit Panau, Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-Ketua Bahagian serta warga kerja Majlis Daerah Tanah Merah.

Pengisian utama telah disampaikan oleh YBrs. Ustaz Wan Abu Bakar bin Wan Mahussin yang mengupas secara mendalam Ayat 105 Surah At-Taubah. Beliau menekankan bahawa produktiviti dalam bekerja bukan sekadar tuntutan duniawi tetapi merupakan satu bentuk ibadah yang dipersembahkan kepada Allah SWT.
Ayat tersebut menyeru umat Islam agar bekerja dengan penuh keimanan, tekun, cermat dan profesional (itqan) selaras dengan nilai-nilai murni yang digariskan oleh Islam.

Pendekatan ini diyakini mampu memperkukuhkan integriti dan keberkesanan pentadbiran serta perkhidmatan kepada masyarakat.







LAWATAN PANEL PENILAIAN

PERTANDINGAN KELANTANKU BERSIH TAHUN 2025 KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH







Majlis Daerah Tanah Merah telah menerima kunjungan panel penilaian Pertandingan Kelantanku Bersih 2025 daripada Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan ke Majlis Daerah Tanah Merah pada 07 September 2025 (Ahad). Rombongan panel diketuai YBrs. Encik Muhammad Riyadhul Hanif bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah (Dasar dan Keurusetiaan) Bahagian Kerajaan Tempatan merangkap Ketua Panel dan ahli-ahli yang hadir.



Ahli rombongan telah diraikan oleh YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah dan YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof selaku Setiausaha dan semua Ketua Jabatan/Bahagian MDTM. Terlebih dahulu ahli rombongan telah diberikan taklimat ringkas berkaitan kategori yang disertai oleh pihak Majlis seterusnya semua panel penilai telah dibawa ke semua lokasi yang dipertandingkan.





Majlis Daerah Tanah Merah telah menyertai tujuh (7) kategori Pertandingan Kelantanku Bersih pada tahun 2025 antaranya Anugerah Kecemerlangan PBT, Ikon Kebersihan PBT, Taman Rekreasi PBT Terbersih dan Ceria, Taman Perumahan Terbersih, Pasar Awam PBT Terbersih, Tandas Awam PBT Terbersih dan Premis Makanan Terbersih.



OPERASI PENGUATKUASAAN

KERJA-KERJA TANAH TANPA KEBENARAN

TANAH MERAH, 11 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS) - Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Kejuruteraan Majlis Daerah Tanah Merah telah mengesan Aktiviti Kerja Tanah Tanpa Kebenaran di sekitar kawasan jajahan Tanah Merah.

Sehubungan dengan itu, tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan selaras dengan Seksyen 70A(12) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang memperuntukkan bahawa kesalahan boleh dikenakan kompaun sehingga RM25,000 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun.

Pihak Majlis ingin mengingatkan kepada orang ramai supaya mendapatkan permit kerja tanah terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang aktiviti kerja tanah dan pembangunan.







MDTM JOHAN AIPBT 2025

SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI SEKTOR AWAM PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2025

09 September 2025 (Selasa) - Majlis Sambutan Hari Inovasi Sektor Awam Peringkat Negeri Kelantan 2025 telah diadakan di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darul Naim Kota Bharu Kelantan yang telah disempurnakan oleh YBM Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

MDTM telah dinobatkan sebagai Johan Kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Tahun 2025 dengan membawa pulang Piala Iringan, Sijil Penyertaan dan wang tunai sebanyak RM4000.00 bagi projek Sistem Pengimbasan A.I Dalam Penguatkuasaan Lesen Perniagaan.

YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Yang Dipertua MDTM telah hadir bersama YBrs. Setiausaha Majlis bagi menerima anugerah tersebut. Semoga pertandingan inovasi ini menjadi inspirasi dan platform untuk MDTM meraikan pencapaian inovasi yang lebih baik pada masa akan datang serta menjadi dorongan untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Tanah Merah.





CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN 2025

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH SECARA LANGSUNG



Majlis Daerah Tanah Merah telah mengadakan Majlis Cabutan Bertuah Secara Langsung sempena Kempen Jom Jelaskan Cukai Taksiran Tahun 2025 sebagaimana ketetapan berikut :

Tarikh: 24 September 2025 (Rabu)
Masa: 11.00 pagi
Lokasi: Ruang Legar, Tingkat Bawah MDTM
Hadiah bernilai ribuan ringgit menanti anda

MDTM LUPUS ROKOK ELEKTRONIK @ VAPE

HASIL OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN







TANAH MERAH, 23 SEPTEMBER 2025 (SELASA) – Majlis Daerah Tanah Merah telah membuat pelupusan secara musnah bagi rokok elektronik atau 'vape' hasil operasi sitaan yang telah dijalankan sebelum ini dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tanah Merah. Aktiviti pelupusan ini turut dihadiri oleh YB Dato' Haji Abdul Fattah bin Haji Mahmood (ADUN Bukit Panau), Ahli – Ahli Majlis MDTM, wakil IPD Tanah Merah, Setiausaha Majlis serta kakitangan Majlis Daerah Tanah Merah. Sepertimana semua sedia maklum bahawa larangan penjualan rokok elektronik atau vape di Negeri Kelantan juga telah berkuatkuasa sejak tahun 2015. Sehubungan dengan itu, YABrs Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah menasihatkan supaya mereka yang terlibat dengan aktiviti penjualan cecair vape dan peranti rokok elektronik supaya menghentikan segera penjualan produk berkenaan. Operasi tindakan penguatkuasaan terhadap larangan vape ini akan dijalankan secara berterusan di daerah Tanah Merah. Warga Tanah Merah khususnya pemilik premis perniagaan adalah diingatkan untuk patuh kepada undang-undang yang telah ditetapkan.

MDTM DINOBATKAN JOHAN PERTANDINGAN LANDSKAP KALI KE-3 BERTURUT-TURUT

SEMPENA PESTA FLORA NEGERI KELANTAN TAHUN 2025

KOTA BHARU, 2 OKTOBER 2025 (KHAMIS) – Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) sekali lagi mengukir sejarah apabila dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Landskap sempena Pesta Flora Negeri Kelantan Tahun 2025 bagi tahun ketiga berturut-turut menewaskan penyertaan dari PBT seluruh Negeri Kelantan dengan rekaan bertemakan "SOKOR TAKU-lungs of Tanah Merah" iaitu hutan simpan kekal di Tanah Merah yang kaya dengan flora dan mineral emas.

Kemenangan ini menandakan kesungguhan dan kreativiti semua pihak yang terlibat dalam memastikan kejayaan berterusan pihak MDTM dalam memperkasakan elemen keindahan dan kreativiti landskap awam.















LAWATAN TEKNIKAL RAC & MDTM

KE KUBU BRITISH DALAM DAERAH TANAH MERAH







TANAH MERAH, 06 OKTOBER 2025 (ISNIN) - Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) bersama Railway Assets Corporation (Pejabat Wilayah Timur) telah mengadakan satu lawatan teknikal ke tapak bersejarah Kubu British di Tanah Merah bagi meninjau potensi pembangunan pelancongan warisan di lokasi tersebut.

Lawatan ini disertai oleh YBhg Dato' Samsuri bin Awang Mat (Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Perpaduan dan Pelancongan MDTM) , YBrs Encik Mohd Shayradzi bin Hamdan (Pengurus Wilayah Timur RAC) YBrs. Encik Rasyiman Asmawi bin Ab Rahim (Penolong Pegawai Perancang Bandar Kanan MDTM), YBrs Encik Mohd Zuhaidi bin Ab Kadir (Penolong Jurutera Kanan MDTM) dan pasukan teknikal dari Pejabat Wilayah Timur RAC.

Lawatan ini bertujuan mengenal pasti nilai sejarah dan keunikan struktur kubu sebagai aset pelancongan yang berpotensi untuk dipulihara dan dimajukan secara bersepadu bersama pihak RAC. Usaha ini selaras dengan aspirasi MDTM untuk memperkasa pelancongan warisan serta memperkukuh identiti sejarah Tanah Merah sebagai destinasi yang kaya dengan nilai budaya dan sejarah.



MDTM DINOBATKAN NAIB JOHAN

PERTANDINGAN KERETA BERHIAS SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KDYMM SULTAN MUHAMMAD V YANG KE-56 TAHUN 2025





KOTA BHARU, 04 OKTOBER 2025 (SABTU) - Majlis Daerah Tanah Merah telah dinobatkan sebagai Naib Johan bagi Pertandingan Kereta Berhias sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan KDYMM Sultan Muhammad V yang ke-56 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Kota Bharu pada 4 Oktober 2025. Acara ini menjadi tumpuan utama rakyat Kelantan, mengimbau semula tradisi yang telah lebih 10 tahun tidak diadakan.

Reka bentuk kereta berhias menonjolkan Jambatan Guillemard dan kereta api sebagai ikon Tanah Merah selain memperkenalkan produk tempatan seperti Durian Raja Kunyit, Jagung Kg Paloh dan lain-lain produk di Tanah Merah.









HARI SUKAN NEGARA (HSN) 2025

PERINGKAT DAERAH TANAH MERAH



TANAH MERAH, 11 OKTOBER 2025 (SABTU) – Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2025 Peringkat Daerah Tanah Merah hari ini berlangsung dengan penuh semangat dan meriah di Dataran Majlis Daerah Tanah Merah dan telah menarik penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat.





Acara gilang-gemilang yang bermula seawal jam 07:30 pagi ini berjaya mencapai matlamatnya untuk menyatukan komuniti melalui pelbagai aktiviti sukan dan kecergasan selaras dengan kempen #MalaysiaAktif dan inisiatif Malaysia MADANI.





Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Nor Azman bin Md Nawi, Timbalan Ketua Jajahan Tanah Merah. Dalam ucapan perasmiannya, beliau menegaskan kepentingan sukan sebagai pemangkin perpaduan dan budaya gaya hidup sihat yang berterusan.





Antara acara tumpuan yang mendapat sambutan hangat termasuklah sesi Senamrobik beramai-ramai, Fun Walk, Liga Penalti, Bola Jaring Shoot dan pelbagai sukan komunitI lain. Penganjuran HSN 2025 Peringkat Daerah Tanah Merah ini merupakan kolaborasi erat antara Pejabat Belia dan Sukan Daerah, PTJ Tanah Merah, Majlis Daerah Tanah Merah serta agensi-agensi kerajaan yang lain di bawah payung #HSN2025.







MDTM SITA 2 PREMIS PERNIAGAAN

GAGAL BAYAR TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

TANAH MERAH, 14 OKTOBER 2025 (SELASA) - Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) hari ini telah melaksanakan Operasi Sitaan Premis Perniagaan dan Penyerahan Notis Tuntutan Tunggakan Cukai Taksiran (Notis E) secara serentak dalam usaha menguatkuasakan kutipan cukai taksiran yang tertunggak di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tanah Merah. Operasi agresif ini menyasarkan premis perniagaan yang telah lama mengabaikan tanggungjawab membayar cukai taksiran walaupun telah diberikan pelbagai peringatan sebelum ini.

Dalam operasi yang dijalankan, dua (2) premis perniagaan yang terletak di sepanjang Jalan Tanah Merah - Pasir Mas telah dikenakan tindakan sitaan. Harta alih yang terdapat di dalam premis tersebut telah disita dan disenaraikan di bawah peruntukan Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Tindakan sitaan ini adalah langkah terakhir MDTM untuk mendapatkan semula tunggakan cukai yang tertunggak, di mana pemilik premis kini mempunyai tempoh tertentu untuk menjelaskan semua tunggakan termasuk kos sitaan sebelum harta yang disita dilelong.

Selain operasi sitaan, pasukan penguat kuasa dan Bahagian Penilaian & Pengurusan Harta MDTM turut giat menjalankan operasi penyerahan Notis Borang E kepada beberapa pemilik premis perniagaan lain di kawasan Bandar Tanah Merah. Notis E merupakan notis tuntutan rasmi di bawah Akta 171 yang mewajibkan pemilik harta membayar tunggakan cukai taksiran dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh notis diserahkan. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan waran sita dikeluarkan dan harta alih mereka disita.

MDTM akan meneruskan operasi seumpamanya dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan undang-undang dan sifar tunggakan cukai taksiran di kawasan Tanah Merah.















TAMAN SINARAN TANAH MERAH

KINI BERWAJAH BARU SELEPAS DINAIKTARAF





PAMERAN INOVASI A.I. MDTM

DI KONVENSYEN INOVASI SOSIAL 2025 (KIS 2025)

BUKIT BINTANG, 16 OKTOBER 2025 (KHAMIS) - Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dengan sukacitanya mengumumkan penyertaan sebagai PEMPAMER di Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2025. Kami hadir membawa penyelesaian terbaharu: Sistem Pengimbasan AI Dalam Penguatkuasaan Lesen Perniagaan

Inisiatif ini adalah bukti komitmen MDTM dalam membawa teknologi canggih untuk meningkatkan tadbir urus yang lebih efisien dan telus.

Tarikh: 16 – 18 Oktober 2025
Lokasi: GMBB Mall, Bukit Bintang, Kuala Lumpur













PROGRAM JELAJAH KOMUNITI RABBANI (K-RABB) KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH



TANAH MERAH, 6 November 2025 (Khamis) - Program Jelajah Komuniti Rabbani (K-Rabb) Kelantan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi. Program ini menampilkan dua slot pengisian oleh Ustazah Hajrah binti Hamzah (Maahad Muhammadi Tumpat) dan Ustaz Hishamuddin bin Mustapha, Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan Insan dan Komuniti) dari Institut Latihan Darul Na'im (ILDAN).

Pengisian memberi penekanan kepada pembentukan insan berjiwa Rabbani, iaitu mereka yang mampu menggabungkan ilmu dengan realiti kehidupan serta menjadikan wahyu Allah sebagai panduan utama dalam setiap urusan.
Budaya Komuniti Rabbani (K-Rabb) menekankan sembilan teras utama seperti matlamat hidup kerana Allah dan akhirat, mengutamakan ilmu fardu ain, amar makruf nahi mungkar, serta cakna terhadap persekitaran kehidupan. Program ini diharap dapat memupuk budaya hidup Rabbani dalam kalangan masyarakat khususnya warga Majlis Daerah Tanah Merah.







LAWATAN KERJA PENGERUSI JAWATANKUASA PELABURAN, PERINDUSTRIAN, SUMBER MANUSIA, PERDAGANGAN DAN KEUSAHAWANAN NEGERI KELANTAN KE ICQS BUKIT BUNGA





BUKIT BUNGA, 03 NOVEMBER 2025 (ISNIN) – YB Mejar (B) Dato' Md Anizam bin Ab Rahman, Pengerusi Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan Dan Keusahawanan Negeri Kelantan telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Kompleks ICQS Bukit Bunga hari ini bagi meninjau operasi sempadan serta memperkukuhkan kerjasama rentas negara.

Program ini turut disertai oleh YBrs. Tuan Nik Akhtarulhaq bin Nik Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Jabatan Imigresen (Pengurusan) Negeri Kelantan, YBrs. Encik Nor Azman bin Md Nawi, Timbalan Ketua Jajahan Tanah Merah, YM Tengku Ahmad Zarir bin Tengku Abdul Rahim, Ketua Penolong Pengarah Perancangan Sektoral (UPEN), YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah dan beberapa orang pegawai dari Majlis Daerah Tanah Merah.

Lawatan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan untuk memperkukuhkan jaringan strategik dan memperkasakan pembangunan ekonomi sempadan.



15









SESI PENDENGARAN BANTAHAN

CUKAI TAKSIRAN 2026 (SEK.144 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976)

TANAH MERAH, 10 November 2025 (Isnin) – Majlis Daerah Tanah Merah telah mengadakan Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran bagi Tahun 2026 yang diadakan mengikut peruntukan Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Sesi penting ini memberi peluang kepada pemilik harta dan peniaga di kawasan yang terlibat untuk mengemukakan bantahan rasmi terhadap nilai taksiran yang telah ditetapkan.

Fokus utama sesi bantahan kali ini melibatkan hartanah perniagaan di beberapa kawasan termasuk Jalan Pasir Mas, Perniagaan Taman Desa Barakah, Alam Mekar, Perniagaan Taman Sri Remah dan Perniagaan Taman Sinar Jaya, Belimbing.

YBrs Tuan Haji Wan Yusoff bin W. Mustafa, Pengerusi Jawatankuasa Tunggakan dan Rayuan Taksiran Cukai, YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff, Ketua Whip MDTM, Ahli-Ahli Majlis MDTM, YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM dan para pegawai MDTM turut hadir bagi mendengar dan meneliti setiap bantahan yang dikemukakan oleh para peniaga dan pemilik harta.

YBrs Tuan Haji Wan Yusoff bin W. Mustafa, Pengerusi Jawatankuasa Tunggakan dan Rayuan Taksiran Cukai, YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff, Ketua Whip MDTM, Ahli-Ahli Majlis MDTM, YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM dan para pegawai MDTM turut hadir bagi mendengar dan meneliti setiap bantahan yang dikemukakan oleh para peniaga dan pemilik harta

Proses ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab MDTM untuk memastikan ketelusan dan keadilan dalam penetapan kadar cukai taksiran serta memberi ruang untuk semakan semula berdasarkan hujah dan bukti yang dikemukakan oleh pembantah.

Cukai taksiran merupakan sumber pendapatan utama bagi MDTM yang digunakan untuk membiayai pelbagai perkhidmatan awam dan penyelenggaraan infrastruktur seperti kutipan sampah, pembersihan kawasan, penyelenggaraan jalan, longkang dan kemudahan awam lain.

LARIAN MINI KELANTAN

MILO KALI KE-33 TAHUN 2025



Program Larian Mini Kelantan MILO Kali Ke-33 Tahun 2025 telah berlangsung dengan jayanya pada 8 November 2025 (Sabtu) bertempat di Padang Majlis Daerah Tanah Merah dan sekitar Bandar Tanah Merah.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Hajah Siti Norina binti Muhamad, Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan turut disertai oleh YBrs Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM.

Program anjuran Unit Pembangunan Bakat Murid MSSK / JPN Kelantan ini mendapat penyertaan dan sambutan menggalakkan daripada murid-murid sekolah rendah seluruh Negeri Kelantan.



















PROGRAM GOTONG-ROYONG MEGA PERINGKAT NEGERI KELANTAN &

ONE HOUR MALAYSIA CLEAN UP PERINGKAT DAERAH TANAH MERAH

Padang Siam, 15 November 2025 (Sabtu) - Program anjuran Pejabat Kesihatan Negeri Kelantan dengan kerjasama Majlis Daerah Tanah Merah telah diadakan pada hari ini bertempat di Masjid Padang Siam, Tanah Merah telah berlangsung dengan jayanya dengan kehadiran YB Tuan Hilmi bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan.

Turut hadir Dr Ahmad Faris bin Awang, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan (Kesihatan Awam), YABrs Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Ketua Jajahan Tanah Merah merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah, YBrs Dr Nik Aida binti Nik Adib, Pegawai Kesihatan Daerah Tanah Merah, YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kebersihan awam selain memperkukuhkan semangat gotong-royong sebagai budaya murni rakyat Kelantan.

Pelbagai aktiviti turut diadakan pada hari ini antaranya pameran jabatan, kaunter bayaran cukai taksiran, pemeriksaan kesihatan dan gigi secara percuma serta jualan rahmah.





MDTM LAKSANAKAN PROGRAM GOTONG-ROYONG

MEMBASMI DENGGI PERINGKAT JAJAHAN TANAH MERAH

TANAH MERAH, 10 NOVEMBER 2025 (ISNIN) - Majlis Daerah Tanah Merah telah berjaya mengadakan Program Gotong-Royong Membasmi Denggi Peringkat Jajahan Tanah Merah Tahun 2025 bertempat di Pasar Besar Tanah Merah.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan persekitaran serta mencegah penularan wabak denggi khususnya di kawasan tumpuan awam seperti pasar. Aktiviti yang dijalankan merangkumi kerja-kerja pembersihan longkang, pengumpulan sampah, penyemburan kabus (fogging) dan pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar kawasan pasar.



Pelaksanaan program ini telah disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebersihan, Keindahan Bandar dan Alam Sekitar MDTM, Ahli-Ahli Majlis MDTM, Pegawai dan kakitangan MDTM serta melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tanah Merah, Pejabat RELA Tanah Merah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Tanah Merah, pemajak dan para peniaga Pasar Besar Tanah Merah.

Program ini diharap dapat memperkukuh kerjasama antara agensi dan komuniti dalam usaha menjadikan Pasar Besar Tanah Merah sebagai kawasan yang bersih, selamat dan bebas denggi.







MDTM TERIMA ANUGERAH BANDAR MAMPAN TAHUN 2025



KOTA BHARU, 16 NOVEMBER 2025 (AHAD) - Majlis Daerah Tanah Merah telah menerima Anugerah Bandar Mampan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2025 oleh PLANMalaysia (MURNInets) dengan markah sebanyak 94.97% dan turut menerima bayaran agihan ISF berjumlah RM356,652.52.



Anugerah tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan kepada YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2025 yang turut disaksikan oleh YBhg Dato' Ketua Pengarah PLAN Malaysia.

SEMINAR PEMANTAPAN KEPIMPINAN PENGURUSAN PROJEK ECOLOGICAL FISCAL TRANSFER FOR BIODIVERSITY ECOLOGICAL CONSERVATION (EFT) KEPADA PEGAWAI TADBIR NEGERI KELANTAN





Kota Bharu, 17 November 2025 (Isnin) – Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah menganjurkan Seminar Pemantapan Kepimpinan Pengurusan Projek Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT) bertempat di Dewan Bunga Emas, Level 2, Hotel Perdana Kota Bharu.

Dalam majlis tersebut, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah (PTJTM) / Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah berjaya meraih tempat ke-3 dalam Pertandingan Cadangan Projek EFT Tahun 2026 sekali gus menonjolkan komitmen daerah Tanah Merah terhadap kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan.



Majlis perasmian seminar telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

MDTM KELUARKAN NOTIS KACAU GANGGU DIHAPUSKAN KEPADA PENGUSAHA REBAN AYAM DI KG CHITA JAYA





Tanah Merah, 26 November 2025 (Rabu) – Majlis Daerah Tanah Merah telah mengeluarkan dua (2) Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 kepada pengusaha reban ayam di Kampung Chita Jaya Mukim Batang Merbau berikutan aduan awam berkaitan pencemaran bau dan kehadiran lalat yang berpunca daripada aktiviti penternakan ayam.

Tindakan ini diambil susulan pemeriksaan lapangan oleh anggota penguat kuasa MDTM bersama Pegawai Perancang Bandar MDTM yang mengesahkan gangguan kepada penduduk sekitar.

MDTM menyeru semua penduduk agar mengutamakan kebersihan serta melaporkan sebarang aktiviti yang menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.

LAWATAN YABRS. KETUA JAJAHAN TANAH MERAH KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)



TANAH MERAH, 26 NOVEMBER 2025 (RABU) – Ketua Jajahan Tanah Merah, YABrs. Tuan Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, telah mengadakan lawatan rasmi ke beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS) iaitu di SK Bendang Nyior, Masjid Kuala Paku dan SK Kelewek bagi meninjau keadaan semasa mangsa banjir yang ditempatkan serta menilai tahap kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan di lokasi berkenaan.

Sepanjang lawatan tersebut, beliau meneliti aspek penyediaan kemudahan kesihatan, persekitaran PPS, keperluan logistik serta memastikan semua prosedur keselamatan dan kawalan kesihatan dipatuhi.







Lawatan ini turut memberi ruang kepada beliau untuk berinteraksi dengan petugas di lapangan, mendapatkan maklum balas mengenai pengurusan operasi serta memastikan kebajikan mangsa terjamin dan penyaluran bantuan dapat dilaksanakan dengan segera.



Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM), wakil Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah (PTJTM) serta wakil Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Tanah Merah

MB KELANTAN ZIARAH KELUARGA MANGSA KEMALANGAN KERETA DIHANYUTKAN ARUS BANJIR

Tanah Merah, 26 November 2025 (Rabu) — YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan telah menziarahi mangsa tragedi kemalangan di Kampung Manal 2, Tanah Merah susulan insiden sebuah kenderaan dihanyutkan arus deras akibat banjir di Batu 5 Tanah Merah yang telah menyebabkan kemalangan jiwa.

Lawatan penuh keprihatinan ini bertujuan menyantuni keluarga mangsa yang turut terkesan dengan tragedi tersebut. Turut hadir bersama ialah Ketua Jajahan Tanah Merah YABrs Tuan Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Ketua Polis Daerah Tanah Merah dan wakil-wakil agensi di Jajahan Tanah Merah.

Majlis Daerah Tanah Merah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dalam menyantuni rakyat yang ditimpa musibah.

Pihak Majlis turut menyeru orang ramai agar sentiasa berwaspada dan mematuhi arahan keselamatan semasa musim hujan dan banjir















YDP MDTM Turun Padang Pantau Kesan Hakisan Cerun Sungai Di Guillemard View@Kusial







Kusial Bahru, 29 November 2025 (Sabtu) – Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, hari ini turun padang meninjau kesan hakisan cerun sungai yang berlaku di kawasan Taman Guillemard View @ Kusial.

Lawatan ini bertujuan menilai keadaan semasa serta langkah-langkah segera yang perlu diambil bagi memastikan keselamatan para peniaga dan pengunjung di kawasan yang terlibat.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM, YBrs. Ir. Ts. Nurul Hafiz Bin Othman, Jurutera Jajahan JPS Tanah Merah serta wakil daripada Bahagian Pembangunan Kejuruteraan MDTM.

Lawatan YAB Menteri Besar Kelantan ke PPS SK Sri Kelewek, Tanah Merah







TANAH MERAH, 29 NOVEMBER 2025 (SABTU) – YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan hari ini telah mengadakan lawatan rasmi ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Sri Kelewek, Tanah Merah bagi meninjau keadaan mangsa banjir serta kemudahan yang disediakan.

Lawatan tersebut turut diiringi oleh YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Ketua Jajahan Tanah Merah, YB Dato' Haji Abdul Fattah bin Mahmood, Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Panau, YDH Supt Mohd Haki bin Hasbullah, Ketua Polis Tanah Merah, YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM dan Wakil jabatan persekutuan dan negeri di Tanah Merah.

Dalam lawatan tersebut, YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan telah mendengar taklimat khas daripada Ketua Jajahan Tanah Merah mengenai situasi semasa banjir, selain menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada mangsa yang ditempatkan di PPS berkenaan.

KULIAH ZOHOR DWI MINGGUAN





TARIKH: 30 NOVEMBER 2025 (AHAD)
TEMPAT: MASJID NIK DAUD AL-FATHANI, PECHONG
PENCERAMAH: AL-FADHIL USTAZ MOHD SHAIPUDIN BIN MOHD ZAIN
(IMAM TUA MASJID MUKIM BELIMBING, TANAH MERAH)

Kuliah Zohor dwi mingguan ini telah berlangsung dengan penuh penghayatan, dikendalikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Shaipudin bin Mohd Zain yang menyampaikan pengisian rohani kepada para jemaah.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Unit Pembangunan Islam MDTM bagi memperkukuh ilmu dan kefahaman agama dalam kalangan masyarakat setempat.

Semoga kuliah ini terus menjadi medan ilmu yang bermanfaat dan diberkati.

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP SEKITAR BARAKAH WALK



TANAH MERAH, 30 November 2025 (Ahad)- Unit Landskap Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dan keceriaan di sekitar kawasan Barakah Walk, Tanah Merah.

Aktiviti yang dijalankan merangkumi pemangkasan pokok, pembersihan rumput liar, serta kerja mencuci bagi memastikan kawasan tarikan pengunjung ini sentiasa berada dalam keadaan bersih, indah dan ceria.

Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen MDTM adalah untuk meningkatkan imej bandar dan menjamin kesejahteraan penduduk.

Diharap semua pengunjung dapat bersama-sama menghargai dan memelihara kebersihan persekitaran ini demi keselesaan bersama.



MB KELANTAN MELAWAT KELUARGA MANGSA PELAJAR UMK YANG MATI LEMAS AKIBAT KERETA TERBABAS KE DALAM TASIK DI UMK JELI

TANAH MERAH, 3 DISEMBER 2025 (RABU) - Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud telah datang melawat ke rumah keluarga pelajar UMK yang mati lemas akibat kereta terbabas ke dalam tasik di UMK Jeli.

Dalam lawatan tersebut, Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin turut menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa yang terlibat dan berkesempatan menziarahi rakan mangsa yang terselamat di Hospital Tanah Merah.

Turut hadir bersama semasa lawatan tersebut ialah YBrs Encik Nor Azman bin Md Nawi (Timbalan Ketua Jajahan Tanah Merah), YBrs Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof (Setiausaha MDTM), YBrs Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff (Ketua Whip MDTM) serta wakil-wakil Jabatan di Tanah Merah.









Majlis Penyampaian Khemah Kepada Peniaga Pasar Malam Medan Tijari

TANAH MERAH, 06 DISEMBER 2025 (SABTU)- Majlis Penyampaian Khemah kepada para peniaga Pasar Malam Medan Tijari telah diadakan pada petang ini. Inisiatif ini adalah tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh pihak Jasmine Food Corporation Sdn Bhd.



Mewakili Jasmine Food Corporation Sdn Bhd adalah Puan Nurazumy Najid (Brand Manager), Encik Harvey Singh (District Sales Manager) dan Encik Abdul Qayyim bin Ali (Senior Production Manager) yang turut serta dalam gimik perasmian dan penyerahan khemah kepada para peniaga.



YBrs Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff (Ketua Whip) bersama-sama Ahli-Ahli Majlis MDTM, Ketua-Ketua Bahagian serta kakitangan daripada Bahagian Pelesenan dan Bahagian Penguatkuasaan juga turut sama hadir semasa program berlangsung.

MDTM berharap agar khemah yang disumbangkan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peniaga dan dapat meningkatkan lagi daya tarikan Pasar Malam Medan Tijari sebagai pusat tumpuan ekonomi setempat di Tanah Merah.

Operasi Bersepadu Pemantauan dan Penguatkuasaan Lesen Perniagaan di Plaza IMT-GT Bukit Bunga

TANAH MERAH, 4 Disember 2025 (Khamis) – Bahagian Pelesenan Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) hari ini telah melaksanakan operasi bersepadu pemantauan dan penguatkuasaan lesen perniagaan di Plaza IMT GT Bukit Bunga sebagai sebahagian daripada usaha berterusan memastikan pematuhan undang-undang dalam kalangan peniaga tempatan.

Operasi yang dijalankan ini bertujuan memastikan setiap premis perniagaan di kawasan strategik Plaza IMT-GT Bukit Bunga mematuhi sepenuhnya keperluan lesen perniagaan yang sah dan terkini.

Seiring dengan operasi penguatkuasaan, MDTM turut membuka kaunter perkhidmatan khas di lokasi yang sama. Inisiatif ini menawarkan kemudahan kepada peniaga dan orang awam untuk memperbaharui lesen perniagaan serta menguruskan pembayaran Cukai Taksiran mereka secara terus di lapangan tanpa perlu hadir ke pejabat MDTM.

Pihak Majlis juga akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat namun pada masa yang sama tidak akan berkompromi terhadap isu ketidakpatuhan. Sehubungan dengan itu, semua peniaga digesa untuk mengambil tindakan segera bagi memastikan lesen perniagaan mereka sentiasa dikemaskini dan diperbaharui sebelum tarikh luput. Kegagalan berbuat demikian akan mendedahkan mereka kepada tindakan penguatkuasaan termasuk pengenaan kompaun.

Sebagai peringatan akhir, MDTM ingin memaklumkan bahawa tawaran promosi "Jom Daftar Lesen Perniagaan Baru" yang diperkenalkan pada 1 Dis sebelum ini akan berakhir pada 31 Disember 2025. Para peniaga baharu digalakkan memanfaatkan peluang ini sebelum tarikh tutup











MDTM LAKAR KEJAYAAN DI MAJLIS SAMBUTAN HARI KELANTANKU BERSIH 2025









KOTA BHARU, 08 DISEMBER 2025 (ISNIN) - Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada seluruh warga Tanah Merah atas kejayaan cemerlang yang diraih sempena Majlis Sambutan Kelantanku Bersih Tahun 2025 yang telah diadakan di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kota Darulnaim pada hari ini.

Kejayaan ini adalah hasil usaha sama pihak MDTM dan masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran.Berikut adalah anugerah yang telah dimenangi:

JOHAN Kategori Taman Perumahan Terbersih (Taman Kota Harmoni)

JOHAN Kategori Taman Rekreasi PBT Terbersih dan Ceria
(Taman Guillemard View @ Kusial)

Anugerah Ikon Kebersihan Komuniti
Cikgu Nik Muhammad Adib bin Nik Mustapha

Selain itu, Kerajaan Negeri Kelantan turut menyalurkan Bantuan Kewangan sebanyak RM100,000 bagi tujuan pembelian tong sampah untuk kegunaan dan keselesaan rakyat di jajahan ini.

Perasmian program telah disempurnakan oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan dan turut dihadiri oleh YABrs. Tuan Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin (Yang Dipertua MDTM), YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof (Setiausaha MDTM), YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff (Ketua Whip MDTM), YBrs. Puan Wan Doti Nozarina binti Wan Yahya (Pengerusi JK Kebersihan MDTM), Penolong Setiausaha MDTM, Pegawai Perancang Bandar dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MDTM.

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TONG SAMPAH AWAM DI JALAN BANGGOL KEMUNTING

TANAH MERAH, 10 Disember 2025 (Rabu)-Bahagian Kebersihan Majlis Daerah Tanah Merah telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan tong sampah awam di Jalan Banggol Kemunting, Tanah Merah.


Pelaksanaan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan pihak Majlis untuk memastikan kemudahan awam berada dalam keadaan bersih, teratur dan berfungsi dengan baik.

Langkah ini juga bertujuan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat serta meningkatkan keselesaan pengguna. Kerjasama orang ramai dalam menjaga kebersihan kemudahan awam amat dihargai bagi memastikan kesejahteraan bersama.











KERJA-KERJA MERACUN SEKITAR BANDAR TANAH MERAH

TANAH MERAH, 10 Disember 2025 (Rabu)- Bahagian Kebersihan Majlis Daerah Tanah Merah telah melaksanakan kerja-kerja meracun di kawasan bandar Tanah Merah. Pelaksanaan ini bertujuan memastikan persekitaran bandar sentiasa bersih, terurus dan bebas daripada pertumbuhan semak. Kerjasama orang ramai dalam menjaga kebersihan kawasan adalah amat dihargai.







KERJA-KERJA CUCI LONGKANG OLEH UNIT TASKFORCE MDTM

TANAH MERAH, 11 DISEMBER 2025 (KHAMIS) - Bahagian Task Force Majlis Daerah Tanah Merah telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan serta cucian longkang di sekitar Jalan Dusun Pinang dan Jalan Mahsuri, Tanah Merah.

Kerja-kerja ini merangkumi pengalihan sisa sampah dan botol yang dibuang ke dalam longkang. Beberapa pecahan konkrit bertulang yang jatuh ke dalam longkang dikenal pasti menyebabkan air bertakung dan mengganggu sistem saliran. Tindakan segera telah diambil bagi memastikan aliran air kembali lancar.

Pihak Majlis menyeru orang awam supaya membuang sampah dengan betul ke dalam tong sampah bagi mengelakkan longkang tersumbat.

Majlis komited memastikan kawasan sentiasa bersih, indah dan ceria demi keselesaan orang awam.





MDTM KELUARKAN 3 NOTIS AMARAN KEPADA PENIAGA







TANAH MERAH, 10 Disember 2025 (Rabu)-Bahagian Pelesenan Majlis Daerah Tanah Merah telah mengeluarkan amaran terhadap tiga premis perniagaan susulan pelanggaran undang-undang kecil yang berkuat kuasa. Tindakan diambil melibatkan notis amaran di bawah UUK 5(2), UUK Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah Sarap (MDTM) 2019 kerana kesalahan membuang sisa sampah di luar tong sampah yang disediakan.

Selain itu, amaran turut dikeluarkan di bawah UUK 21, UUK Tred, Perniagaan & Perindustrian (MDTM) 2019 atas kesalahan melepaskan efluen atau sisa basuhan ke jalan sehingga mengakibatkan kekotoran.

Majlis menegaskan bahawa pematuhan terhadap peraturan adalah penting bagi memastikan kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan persekitaran bandar.

OPERASI SEMAKAN, BANCIAN DAN PENYELARASAN LESEN PERNIAGAAN MDTM DI SEKITAR JALAN ISMAIL PETRA

TANAH MERAH, 30 NOVEMBER 2025 (Ahad) - Bahagian Pelesenan dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan, Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah melaksanakan operasi semakan dan bancian lesen perniagaan MDTM dan 2 pasukan digerakkan setiap hari bertujuan memastikan setiap peniaga mematuhi syarat pelesenan dan menjalankan aktiviti perniagaan secara sah.

MDTM menyeru peniaga-peniaga menyemak lesen perniagaan dan memperbaharui lesen perniagaan masing-masing sebelum tamat tempoh.





Kunjungan Hormat

KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH



15 DISEMBER 2025 / 24 JAMADIL AKHIR 1447H

YBRS. ENCIK CHE HAMIZUN BIN HASHIM
PEN.PENGURUS BANK RAKYAT
CAWANGAN TANAH MERAH



15 DISEMBER 2025 / 24 JAMADIL AKHIR 1447H

YBRS. ENCIK IRWAN ARIEF BIN YAAKUB
PENGURUS CAWANGAN
BANK MUAMALAT TANAH MERAH



16 DISEMBER 2025 / 25 JAMADIL AKHIR 1447H

YBRS. PUAN RUZITA BINTI MELI
MAQIS NEGERI KELANTAN

Kunjungan Hormat
KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH



22 DISEMBER 2025 /

YBRS. ENCIK NIK KHAIRUL RIJAL
PENGURUS BANK RAKYAT
CAWANGAN TANAH MERAH



23 DISEMBER 2025 /

WAKIL PEGAWAI KASTAM BUKIT BUNGA



30 DISEMBER 2025 /

YBRS. ENCIK MIQDAD BIN ZAKARIA
PEGAWAI KHAS KEPADA
YB TIMBALAN MENTERI KPKT



@mdtanahmerah /mdtanahmerah @md_tanahmerah79 /mdtanahmerah @mdtmerah